

“Sebanyak 14 strategi dan 91 pelan tindakan sudah dirangka untuk mencapai objektif melalui perincian pelaksanaan Kerajaan Persekutuan, pihak berkuasa negeri, kerajaan tempatan, dan agensi lain,” katanya.

Menerusi dasar ini, beliau berkata, pelaksanaan Extended Producer Responsibility (EPR) akan dikenakan ke atas syarikat pengeluar yang mengimport barangan boleh dikitar semula.

Beliau berkata, banyak negara maju sudah melaksanakan amalan EPR ini, yang ternyata memberi pulangan dan manfaat baik kepada semua pihak.

Mengambil contoh model pelaksanaan EPR di Taiwan dan Singapura, beliau berkata, satu peraturan akan digubal bagi meletakkan EPR sebagai syarat kepada syarikat pengeluar termasuk pengimport melalui pelan pelaksanaannya.